



KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA)

Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) merupakan koperasi yang berwibawa, bergiat dalam industri perladangan kelapa sawit, perhotelan, dan Ar-Rahnu.

KOSMA mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan Pembantu Tadbir dan mencari individu untuk menyertai KOSMA yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- i) Mempunyai **Keterampilan** yang baik.
- ii) Mempunyai **Bakat dan Semangat** yang tinggi dalam bekerja
- iii) Mempunyai **Bakat Kepimpinan**
- iv) Mempunyai **Jati Diri Cemerlang** dan
- v) Mempunyai **Kelayakan atau Pengalaman** yang luas dengan jawatan

Syarat Lantikan **WAJIB** : Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

Terma dan syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

- | | | |
|-----------------------|---|--|
| 1. NAMA JAWATAN | : | PENYELIA PENGEMAS BILIK |
| 2. GRED JAWATAN | : | (A) N3
(B) SKIM GAJI :
RM1,848.00 – RM6,488.00 |
| 3. ELAUN | : | (A) PENDALAMAN - RM100.00
(B) PENDIDIKAN ANAK - RM50.00 |
| 4. JABATAN/ UNIT | : | JABATAN PEMBANGUNAN KOMPLEKS
DAN PERLADANGAN |
| 5. TARAF PERKHIDMATAN | : | KONTRAK |

6. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

Kerja **Housekeeping Supervisor** (Penyelia Pengemasan) adalah peranan kepimpinan peringkat pertengahan yang bertanggungjawab memastikan standard kebersihan, penyelenggaraan, dan persembahan sesebuah penginapan (seperti hotel, resort, atau hospital) sentiasa berada pada tahap terbaik.

Tugas harian seorang penyelia merangkumi pengurusan kakitangan dan kawalan kualiti operasi:

- a) Pengurusan Pasukan:** Mengetuai pasukan *housekeeping attendants* (biasanya 10-15 orang), menyediakan jadual kerja, dan memberikan latihan mengenai prosedur pembersihan serta penggunaan peralatan keselamatan.
- b) Pemeriksaan Bilik:** Memastikan setiap bilik tetamu dan kawasan awam dibersihkan mengikut Standard Operasi Prosedur (SOP) sebelum diserahkan semula untuk kegunaan tetamu.
- c) Kawalan Inventori:** Memantau stok bekalan pembersihan, linen, dan barang keperluan tetamu (*amenities*) serta melaporkan sebarang kekurangan untuk pesanan baru.
- d) Laporan Kerosakan:** Mengenal pasti dan melaporkan sebarang kerosakan perabot atau kemudahan kepada jabatan penyelenggaraan (*maintenance*) dengan segera.
- e) Kepuasan Tetamu:** Menjadi penghubung antara pengurusan dan kakitangan bawahan bagi memastikan pengalaman tetamu yang positif, memandangkan kebersihan adalah faktor utama kepuasan pelanggan.

7. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 1) Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia **DAN**
- 2) Diploma dalam bidang Pentadbiran Perniagaan Atau Pengurusan Pejabat Atau Perakauan atau yang setaraf dengannya dalam bidang berkaitan dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negeri yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia **ATAU**
- 3) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik dan Bahasa Inggeris peperiksaan tersebut.
- 4) Berkemahiran dalam mengendalikan Microsoft Office terutamanya Microsoft Word dan Excel
- 5) Pengalaman: Biasanya memerlukan sekurang-kurangnya 1 hingga 2 tahun pengalaman bekerja dalam bidang *housekeeping* atau pembersihan, terutamanya di hotel atau resort.
- 6) Kemahiran: Perlu mempunyai kemahiran kepimpinan yang kuat, perhatian kepada perincian (*attention to detail*), dan kemampuan untuk bekerja di bawah tekanan.

8. PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Penetapan gaji yang lebih tinggi atas T1 boleh dibuat oleh Pengurusan Tertinggi melalui cadangan panel temuduga berasaskan pengalaman kerja, bakat, kemahiran dan kebolehan

9. SYARAT-SYARAT KHAS

Keutamaan diberikan kepada anak anggota koperasi atau mana-mana kakitangan yang layak dan sedang berkhidmat di KOSMA dengan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan

10. CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dimohon dengan Bahagian Sumber Manusia KOSMA dan dihantar bersama RESUME lengkap, Salinan kad pengenalan, Salinan sijil-sijil akademik yang disahkan, gambar berukuran passport dan lain-lain dokumen sokongan (jika ada). Borang yang lengkap hendaklah dihantar melalui pos. email hrkosma@kosma.com.my atau serahan tangan dan sampai **sebelum atau pada jam 12.00 tengahari di tarikh 05 MEI 2026** ke alamat seperti berikut:

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA),
B-8032, SRI KUANTAN SQUARE,
JALAN TELUK SISEK,
25000 KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR
(U/P: BAHAGIAN PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA)
Email : hrkosma@kosma.com.my

TARIKH IKLAN : 21 APRIL 2026

TARIKH TUTUP : 05 MEI 2026

Catatan Am:-

- 1) Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.
- 2) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
- 3) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.